



PLANMalaysia
Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional



APT 2025
AMALAN PERANCANGAN TERBAIK

Penggerak Gaya Hidup Hijau Rendah Karbon

PANDUAN PENCALONAN

PENGGERAK GAYA HIDUP HIJAU RENDAH KARBON



Pengenalan

Penghargaan Amalan Perancangan Terbaik 2025 (APT.25) merupakan salah satu anugerah berbentuk penghargaan yang diberikan kepada mana-mana pihak yang telah menunjukkan komitmen yang tinggi dan diiktiraf dalam menjayakan matlamat pembangunan mampan khususnya dalam aspek gaya hidup hijau dan rendah karbon selaras dengan tema penghargaan APT.25 pada tahun ini iaitu "Penggerak Gaya Hidup Hijau Rendah Karbon".

Penghargaan ini merupakan inisiatif Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) selaku agensi yang menerajui aspek perancangan dan pembangunan bandar untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada mana-mana pihak yang telah menunjukkan komitmen yang tinggi serta menjadi penggerak dan model ikutan dikalangan masyarakat dalam menjayakan hasrat pembangunan mampan negara dengan berlandaskan kepada pematuhan dan penyesuaian dengan aspek-aspek yang telah dibangunkan dalam garis panduan-garis panduan perancangan yang telah disediakan oleh PLANMalaysia.



Objektif

01.

Mengiktiraf amalan perancangan yang cemerlang dan memberi impak positif kepada masyarakat dan alam sekitar.

02.

Meningkatkan kesedaran tentang kepentingan perancangan yang berterusan dan mampan.

03.

Memberi pendedahan kepada amalan terbaik yang boleh diadaptasi oleh pelbagai pihak.

04.

Mendorong inovasi dalam amalan perancangan di seluruh negara.

Kategori Pencalonan APT25

Penghargaan Amalan Perancangan Terbaik 2025 (APT.25) melibatkan empat (4) kategori iaitu :



1. Kejiranan Hijau



2. Tenaga Diperbaharui



3. Laluan Mesra Alam



4. Mobiliti Mampan

Siapa yang Boleh Menyertai

Penyertaan adalah **PERCUMA** dan pencalonan adalah terbuka kepada semua individu, komuniti, organisasi serta agensi swasta sahaja. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah tidak digalakkan sama sekali untuk menyertainya.

Setiap pencalonan hendaklah dimajukan kepada Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri (PLANMalaysia Negeri) atau Jabatan Wilayah Persekutuan bagi Kawasan KL, Putrajaya dan Labuan serta melalui Jabatan Tanah dan Survei Sarawak (bagi Negeri Sarawak) dan melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Wiayah (bagi Negeri Sabah).



Johor



Kedah



Kelantan



Melaka



Selangor



Perlis



Terengganu



Negeri Sembilan



Pahang



Penang



Perak



Sabah



Sarawak



Jabatan Perdana Menteri
Jabatan Wilayah Persekutuan

Syarat Umum



Terbuka kepada semua individu, komuniti, organisasi serta agensi swasta sahaja.

Nota:

Dikemukakan melalui PLANMalaysia@Negeri / JWP / (DBKL, PL, PPJ) / JTS SARAWAK / JPBW SABAH.




Program/Projek yang dikemukakan berkisar kepada 4 kategori iaitu: kejiranan hijau, tenaga diperbaharui, laluan mesra alam, dan mobiliti mampan.



Program/Projek yang telah dilaksanakan dan mendapat persetujuan atau kelulusan dari pihak yang berkaitan (jika berkaitan).



Tidak terikat kepada sebarang kelulusan minimum atau maksimum atau tempoh pelaksanaan tetapi program/ projek yang masih berfungsi/aktif.



Pencalonan hendaklah disertakan bersama-sama dengan pembuktian yang boleh merangkumi video, foto, rajah, pelan penerangan ringkas projek / program / amalan yang dilaksanakan.



Tempoh mengemukakan pencalonan bermula **26 Mei 2025** sehingga **29 Ogos 2025**.



Penilaian berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh pengajur APT 2025 dan keputusan pengajur adalah muktamad, sebarang aduan tidak akan diterima.

Syarat Tambahan

1. Pencalonan boleh dihantar seberapa banyak, namun hanya satu sahaja yang layak untuk diberikan penghargaan mengikut kategori yang dikemukakan.
2. Pembuktian yang dikemukakan adalah tidak terikat dengan apa-apa format tetapi hendaklah merupakan hasil ciptaan sendiri dan sebarang pertikaian berkaitan hakcipta dikemudian hari oleh pihak ketiga adalah diluar urusan pihak Pengajur.
3. Setiap dokumen dan pembuktian yang dikemukakan adalah menjadi hak milik Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia).

4. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) berhak menggunakan hasil penyertaan yang dikemukakan dan tidak terikat dengan apa-apa bayaran dan pertikaian hakcipta kepada mana-mana pihak bagi tujuan hebahan atau pameran atau lain-lain tujuan yang bersifat tidak bercanggah dengan perundangan sediada.

5. Sekiranya didapati sebarang bentuk penipuan atau perkara yang bercanggah dengan sensitiviti Masyarakat atau apa-apa perkara dirasakan tidak wajar, pihak Pengajur berhak menolak atau membatalkan pencalonan peserta tanpa sebarang notis.

Butiran dan Format Pembuktian

Tiada format khusus ditetapkan, susunan penulisan, gambar, video dan apa-apa bentuk pembuktian boleh disertakan mengikut kreativiti masing-masing.

Semua butiran dan pembuktian hendaklah dimajukan bersama-sama dengan salinan lembut (softcopy) beserta link jika berkaitan seperti saluran-saluran media sosial yang boleh dirujuk.

Pencalonan juga hendaklah disertakan bersama-sama dengan **BORANG PENCALONAN PENGHARGAAN AMALAN PERANCANGAN TERBAIK 2025 (APT.25)**.



Sila imbas kod QR berikut bagi mendapatkan BORANG PENCALONAN PENGHARGAAN AMALAN PERANCANGAN TERBAIK 2025 (APT25)

Atau layari laman sesawang berikut :
<https://qr.me-qr.com/RBgSTD3c>

Hadiah

Setiap pencalonan yang dikemukakan ke Urusetia APT.25 secara automatik akan menerima sijil penyertaan secara digital dan tiada cetakan sijil disediakan oleh pihak pengajur.

Tiga (3) penerima penghargaan bagi setiap kategori akan menerima hadiah berupa wang tunai sebanyak **RM5,000.00** (Ringgit Malaysia Lima Ribu Sahaja), piala dan sijil.



Tarikh Tutup Penyertaan

Penyertaan boleh mula dikemukakan ke Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri (PLANMalaysia Negeri) atau Jabatan Wilayah Persekutuan bagi Kawasan KL, Putrajaya dan Labuan serta melalui Jabatan Tanah dan Survei Sarawak (bagi Negeri Sarawak) dan melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Wiayah (bagi Negeri Sabah) **mulai 26 Mei 2025 (Isnin) dan Tarikh akhir pengemukaan pencalonan adalah pada 29 Ogos 2025 (Khamis) sebelum jam 4.00 petang.**

Alamat setiap pusat pengemukaan diatas boleh dirujuk melalui laman sesawang berikut :

PLANMalaysia Negeri di: <https://www.planmalaysia.gov.my/index.php/pages/view/195?mid=516>

Jabatan Wilayah Persekutuan di: <https://www.jwp.gov.my/page/agensi-agensi?menu=3>

Jabatan Tanah dan Survei Sarawak di: <https://landsurvey.sarawak.gov.my/web/home/index/>

Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah, Sabah di: <https://trpd.sabah.gov.my/>

Bagaimana Untuk Menyertai



Langkah 1:

Sediakan dokumen sokongan yang menunjukkan pencapaian dalam kategori yang dipilih.




Langkah 2:

Isikan borang pencalonan yang disediakan oleh penganjur.



Langkah 3:

Hantar borang pencalonan beserta dokumen sokongan melalui pos atau emel kepada pihak penganjur sebelum tarikh tutup yang ditetapkan.



Borang Panduan pencalonan Penghargaan Amalan Perancangan Terbaik 2025 (APT.25) beserta garis panduan perancangan yang berkaitan boleh dimuat turun melalui saluran berikut :


BORANG PENCALONAN



Sila imbas kod QR berikut bagi mendapatkan BORANG PENCALONAN PENGHARGAAN AMALAN PERANCANGAN TERBAIK 2025 (APT25)

Atau layari laman sesawang berikut :
<https://qr.me-qr.com/RBgSTD3c>

(GARIS PANDUAN PERANCANGAN YANG BERKAITAN UNTUK DIRUJUK)



myTOWNnet
MALAYSIAN TOWN PLANNING RESEARCH NETWORK

<https://mytownnet.planmalaysia.gov.my/index.php/planning-guidelines/>

Kami mengalu-alukan semua penyertaan yang menunjukkan komitmen dalam meningkatkan amalan perancangan untuk kesejahteraan masyarakat dan negara. Program ini adalah peluang untuk menyerlahkan usaha-usaha cemerlang dan memberi inspirasi kepada pihak lain untuk terus berinovasi dalam bidang perancangan.

Terima kasih atas penyertaan anda dan semoga berjaya!



KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN

PLANMalaysia

Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning: Beyond Conventional

Urus setia

Penghargaan Amalan Perancangan Terbaik 2025 (APT.25)

Unit Alam Sekitar dan Pengurusan Risiko

Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)

Aras 9 & 10, Blok F5, Kompleks F, Presint 1,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62675 Putrajaya, Malaysia.

Emel : alam@planmalaysia.gov.my

Tel : 03-8091 0177 / 0163